




Pusat Kawalan Bencana Negara (NDCC)
Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA)
No. Telefon: 03-80642400
No. Fax: 03-80635420
E-mel: ndcc@nadma.gov.my; opsroom@nadma.gov.my

NOTIS KESIAPSIAGAAN OPERASI BENCANA BANJIR



Hujan lebat dijangka berlaku

Jabatan Meteorologi Malaysia (MMD) pada **3.15 petang, 27 Oktober 2018** telah mengeluarkan **Amaran Cuaca Waspada (Peringkat Kuning)** seperti berikut:

AMARAN CUACA WASPADA (PERINGKAT KUNING)

dikeluarkan pada 3.15petang, 27 Oktober 2018

Hujan berterusan berserta angin kencang dijangka berlaku dalam tempoh **Isnin, 29 Oktober 2018** sehingga **Khamis, 1 November 2018** di negeri seperti berikut:

BIL.	NEGERI	DAERAH/BAHAGIAN
1.	Kelantan	Jajahan Jeli, Tumpat, Pasir Mas, Kota Bharu, Tanah Merah, Bachok, Machang, Paser Puteh dan Kuala Krai
2.	Terengganu	Semua daerah di negeri Terengganu

Sehubungan dengan itu, semua Pusat Operasi/Kawalan Bencana Peringkat Pusat seperti Polis Diraja Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Angkatan Pertahanan Awam, Angkatan Tentera Malaysia, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah dan Negeri Kelantan dan Terengganu bersiapsiaga menghadapi pelbagai bencana yang dijangka berlaku

terutamanya di kawasan yang berisiko tinggi seperti banjir, tanah runtuh, ribut, tanah mendap, hakisan pantai dan sebagainya.

Semua Pusat Operasi/Kawalan Bencana Peringkat Pusat hendaklah memanjangkan Notis Kesiapsiagaan Operasi Bencana Monsun Timur Laut (MTL) 2018/2019 ini ke peringkat Negeri dan Daerah.

Semua Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB), Pos Kawalan Tempat Kejadian (PKTK) serta pusat-pusat pemindahan hendaklah berada di tahap kesiapsiagaan yang tinggi bagi menghadapi bencana yang bakal berlaku terutama di kawasan yang berisiko tinggi. Pihak PKOB Negeri/Daerah juga dimohon untuk memastikan setiap pusat pemindahan dilengkapi dengan keperluan asas dan PKTK memastikan segala aset pengoperasian mencukupi serta berada di dalam keadaan yang baik dan bersedia untuk digunakan.

NADMA melalui Pusat Kawalan Bencana Negara (NDCC) sentiasa memantau keadaan cuaca dan kejadian bencana yang berlaku di seluruh negara. NDCC juga sentiasa dalam kesiapsiagaan menerima maklumat berkenaan bencana dan bantuan pengurusan dan pengoperasian bencana dari semasa ke semasa melalui nombor telefon 03-80642400, faksimili 03-80635420 dan alamat e-mel opsroom@nadma.gov.my.

Sekian, terima kasih.

Pusat Kawalan Bencana Negara (NDCC)
Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA)
Jabatan Perdana Menteri
27 Oktober 2018